

APLIKASI YANG PALING EFEKTIF UNTUK JEJAK PENCURI TELEFON ANDA



Kes-kes telefon pintar hilang kini telah menjadi kes yang biasa kita dengar, sama ada atas kecuaiannya diri ataupun akibat dicuri orang. Biasanya, jika telefon hilang, ia sememangnya menjadi satu masalah yang besar kepada pemilik telefon. Dan biasanya kes-kes seperti ini sukar untuk diselesaikan.

Terdapat banyak aplikasi-aplikasi di Play Store yang mengatakan boleh menemukan semula telefon yang hilang. Tapi kebanyakan aplikasi ini sukar digunakan. Terbaru, satu aplikasi yang telah dibangunkan oleh Bloke Tech merupakan satu aplikasi yang begitu mudah digunakan, malah lebih efektif dari aplikasi-aplikasi lain.

Aplikasi LockWatch merupakan satu aplikasi android yang mempunyai cara mudah dan berkesan untuk menjejaki pencuri. Kelebihan aplikasi ini adalah, ia akan mengambil gambar selfie si 'pencuri' apabila dia memasukkan kod keselamatan atau 'pattern' yang salah.


Anda cuma perlu menginstall aplikasi ini ke telefon anda dan secara ringkasnya, berikut adalah cara aplikasi ini berfungsi :

1. Telefon anda hilang atau dicuri
2. Pencuri itu cuba membuka telefon anda dengan kod atau pattern yang salah
3. LockWatch akan mengambil gambar 'selfie' pencuri berkenaan secara senyap dan maklumat lokasi dimana telefon anda berada.
4. LockWatch dengan serta merta menghantar emel kepada anda berserta dengan gambar pencuri terbabit.

Penulis sendiri sudah mencuba aplikasi tersebut, dan ternyata ianya berkesan. Berikut adalah contoh emel penulis terima apabila cuba membuka telefon dengan 'pattern' dan kod yang salah.

Kalau dah ada gambar muka si pencuri, nak apa lagi? Bagi sahaja pada polis, pasti mereka boleh selesaikan..

Aplikasi ini patut menjadi salah satu aplikasi wajib di dalam telefon android anda. Aplikasi ini turut menawarkan notifikasi emel yang sama apabila kad sim ditukar! Tapi ciri itu hanya ada pada versi premium. Tapi apa salahnya berbelanja lebih sedikit untuk keselamatan telefon anda kan?



SEKAT LAMAN PORNO DENGAN GEMPUR

Zaman sekarang internet dah makin tak sesuai untuk kanak-kanak. Hal ini disebabkan makin banyak laman web yang tidak sesuai ditengok oleh kanak-kanak.

Laman web yang dimaksudkan tu ialah website PORNO atau laman web lucah. bukan website porno negara barat sahaja yang ada, yang tempatan pun ada.

Jadi bagi ibu bapa diluar sana mesti takut nak bagi anak-anak main internet kan? Jangan risau, ibu bapa boleh BLOCK atau SEKAT laman web porno ini dengan GEMPUR.

Apa itu GEMPUR?

GEMPUR
XXX CHILDREN PROTECTION

PROJEK ANTI-PORNO
PERTAMA DI MALAYSIA

UTAMA | BIOGRAFI | FAKTA | HUBUNGI

Melindungi Anak-anak Tanggungjawab Kita Bersama

Aplikasi Anti-Pornografi Gempur adalah satu projek komuniti dalam usaha membantu ibubapa melindungi anak-anak dari laman-laman lucah yang menjadi antara punca masalah sosial.

DOWNLOAD
Muat Turun Aplikasi Percuma

Bersama Melahirkan Generasi Cemerlang

Idea projek anti-porno ini adalah yang pertama di Malaysia oleh **Haidy Sulaiman** (Pengasas Gempur.org)

Maklumat Lanjut >

Fakta Sebenar Gejala Sosial di Internet

Seks bebas satu gejala sosial yang amat kronik melanda masyarakat masa kini. Walaupun ibubapa berusaha...

Maklumat Lanjut >

Hubungi GEMPUR untuk maklumat terperinci

Aplikasi Anti-Pornografi Gempur adalah satu projek komuniti dalam usaha membantu ibubapa melindungi anak-anak ...

Maklumat Lanjut >

Gempur adalah aplikasi atau perisian percuma yang dibangunkan oleh anak tempatan MALAYSIA iaitu **Haidy Sulaiman** .

Aplikasi ini dibangunkan bertujuan untuk menyekat laman-laman sesawang berunsur PORNO. Anda hanya perlu download secara percuma di laman web Gempur.org dan kemudian memasang di komputer.

Sangat senang untuk digunakan. Jadi, selepas ini ibu bapa dah tak perlu risau lagi untuk bagi anak-anak main internet. Tapi pengawasan ibu bapa itu masih lagi diperlukan.

Jom kita install GEMPUR!

5 ANTIVIRUS ONLINE PERCUMA DAN TERBAIK


Berikut merupakan **5 Antivirus Online** yang **percuma** dan terbaik.

Apa kelebihan antivirus online ini? Dengan **Antivirus Online** ni anda boleh gunakan untuk scan fail yang anda hendak muat turun kerana fail atau perisian yang ada di internet kebanyakan tidak boleh dipercayai, terutama yang boleh dimuat turun secara PERCUMA. Mungkin ada "terselit" virus seperti **Keylogger** dan sebagainya. Jadi, sebelum anda memuat turun, anda boleh pastikan sama ada file tersebut bebas dari virus atau tidak dengan Antivirus Online ini.

Selain itu, anda juga boleh muat naik fail untuk di-scan dengan antivirus online. ini sangat berguna jika computer yang anda gunakan untuk muat naik tidak dilengkapi dengan perisian antivirus.

Selain dari scan fail, antivirus online juga boleh digunakan untuk scan virus dan malware di sesuatu Website.

Berikut senarai Antivirus Online yang memang terbaik dan PERCUMA!



Sumber : Reaperz.net

Peristiwa 60 Saat Di Internet

Tahukah anda bahawa internet sangat cepat pergerakannya. Tidak menunggu sesaat pun, siapa yang lambat maka dia akan ketinggalan. Berikut adalah perkara yang terjadi di dunia maya dalam masa 60 saat;

- 1500+ postingan di blog
- 98,000 tweet terbaru
- 12,000 iklan terbaru di craigslist(FJB Terbesar)
- 20,000 postingan terbaru di Tumblr
- 600 video terbaru di Youtube
- 70 Domain Didaftarkan
- 13,000 Aplikasi iPhone telah dimuat turun
- 320 Akaun Twitter terbaru
- 100 Akaun LinkedIn terbaru
- 6,600 Foto dipublish di Flickr
- 125 Plugin WordPress terbina
- 50 Core WordPress terbina
- 79,364 Wall terpamer di Facebook
- 695,000 Status Facebook diupdate
- 510,040 Komentor muncul di Facebook
- 1,700 Aplikasi Mozilla Firefox dimuat turun
- 694,445 kata dicari di Google
- 168 Juta Email dihantar
- 60 Blog baharu didaftarkan
- 40 Pertanyaan di Yahoo Answer dan 100 jawapan diberikan
- 1,600 Orang Membaca di Scribd
- 1 Kata terdefinisi di Urban Dictionaries
- total 370,000 minit metelefon menggunakan Skype
- 13,000 jam muzik streaming di Pandora



Begitulah yang terjadi di internet selama 60 saat, dan anda sekarang telah tahu kenapa 1 minit begitu berharga di dunia maya.

Perisian Antivirus Terbaik 2014

NO	ANTIVIRUS	OPERATING SISTEM	RATING
1	Bitdefender Antivirus Plus	Windows XP, Vista, 7 dan 8	9.80
2	Kaspersky Anti-Virus	Windows XP, Vista, 7 dan 8	9.60
3	Norton AntiVirus	Windows XP, Vista, 7 dan 8	9.57
4	F-Secure Anti-Virus	Windows XP, Vista, 7 dan 8	8.77
5	AVG Anti-Virus	Windows XP, Vista, 7 dan 8	8.75
6	BullGuard Antivirus	Windows XP, Vista, 7 dan 8	8.73
7	G Data AntiVirus	Windows XP, Vista, 7 dan 8	8.55
8	Panda Antivirus Pro	Windows XP, Vista, 7 dan 8	8.55
9	Avast! Pro Antivirus	Windows XP, Vista, 7 dan 8	8.55
10	McAfee AntiVirus Plus	Windows XP, Vista, 7 dan 8	8.55

**Penilaian dari segi fitur, performa dan harga versi premium.*